

# Pembangunan semula pusat serenti dipercepat

Keberkesanan rawatan penagih selaras matlamat negara bebas dadah 2015

Oleh Anwar Hussin,  
Norfatimah Ahmad  
dan Jalal Ali Abdul Rahim

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu proses pembangunan semula pusat serenti dipercepatkan bagi memastikan keberkesanan program rawatan dan pemulihan penagih dadah selaras matlamat untuk mencapai status negara bebas dadah pada 2015.

Perdana Menteri berkata, peruntukan untuk melaksanakan projek itu sudah disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Yang perlu diubahsuai, kita akan ubahsuai, yang rosak kita baiki," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di sini, semalam.

Kelmarin, *Berita Harian* melaporkan 21 pusat serenti di seluruh negara yang menempatkan 4,000 peng-

huni berada dalam keadaan daif dengan sesetengah bumbung asrama bocor serta dinding papan terkopak dan reput. Malah, sistem pendawaian di semua bangunan berusia lebih 40 tahun itu sudah terlalu lama dan berbahaya.

Ketua Pengarah AADK, Sabran Napiyah juga mengakui keadaan itu menyebabkan ramai ibu bapa penagih dadah enggan menghantar anak mereka untuk menjalani program rawatan dan pemulihan di pusat serenti.

Abdullah berkata, memang menjadi hasratnya untuk menyediakan kemudahan selesa kepada penghuni pusat berkenaan.

Berikutan itu, katanya, sejumlah peruntukan disediakan untuk diagihkan kepada pusat serenti yang memerlukan dalam masa terdekat.

Difahamkan, kerajaan meluluskan RM75 juta untuk membaik pulih dan mengubah suai pusat serenti di se-

luruh negara dalam RMK-9.

Ditanya mengenai keputusan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) seorang pelajar, Nadiyah Amirah Jamil, 18, yang sebelum ini dilaporkan memperoleh 19 1A tetapi sebenarnya mendapat 14 1A, Abdullah berkata,

"Akhbar berkenaan sepatutnya mohon maaf... saya rasa permohonan maaf perlu kerana tidak membuat laporan betul hingga membuatkan beliau (Nadiyah) terasa malu, pada hal bukan dia yang cakap, dia tidak pernah cakap dapat 19 (1A)."

**“Kalau boleh semua pusat serenti kita nak baiki, itu yang saya mahukan”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

Perdana Menteri berkata, beliau kasihan dan dukacita kerana laporan berkenaan begitu 'melambung tinggi' dan meletakkan harapan tinggi kepada pelajar terbabit.

Bagaimanapun, Abdullah berkata, beliau tetap bangga dengan pencapaian Nadiyah Amirah kerana keputusan 14 1A boleh dianggap cemerlang bagi seorang pelajar dari sekolah luar bandar.

"Kepada Nadiyah, saya nak katakan, kalau 14 (1A) memanglah cemerlang dan dia adalah pelajar yang belajar di Batu Pahat, Johor, bukannya di bandar besar seperti Kuala Lumpur dan Lembah Klang.

"Jadi tentu sekali dia seorang pelajar yang tekun, rajin dan berusaha mencapai kejayaan begitu tinggi.

"Ia juga menunjukkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran di kawasan luar bandar hari ini juga baik," katanya sambil mengucapkan tahniah kepada Nadiyah Amirah.